

# Berkongsi idea

## 300 Alumni UPM seluruh negara berkumpul teruskan aspirasi universiti

>>Oleh Syanty Octavia Amry

soctavia@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Sempena sambutan ulang tahun ke-81 penubuhan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, Persatuan Alumni universiti itu mengadakan 'Hari Alumni UPM kali ke-4' serta forum khas, Serdang Heritage bertajuk 'Membudayakan Berilmu Berbakti'.

Forum yang mengumpulkan kira-kira 300 alumni dari seluruh negara itu bertujuan membawa mereka ke kampus di samping berkongsi pendapat dan pandangan masing-masing untuk meneruskan aspirasi UPM.

Tiga ahli panel yang juga alumni UPM dijemput sebagai pembicara iaitu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM),



**BINCANG...**tiga panel jemputan (dari kiri) Nor Azzura, Mohamed Fadzil (tengah) dan Ridhuan (kanan).

Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din; Profesor Madya Pusat Pengajian Umum dan Bahasa UPNM, Prof Madya Dr Ridhuan Tee Abdullah dan Pengacara Wanita Hari Ini, Nor Azzura Azizul Azman.

Nor Azzura yang baru me-

namatkan pengajian tahun lalu berharap lebih ramai bekas pelajar UPM menyertai industri media disebabkan peluang pembelajaran yang diberikan begitu luas dan relevan.

"Di samping itu, UPM juga mempunyai studio canggih

dan saya yakin kelebihan itu boleh digunakan sebagai platform untuk bekas pelajar berdiri setanding dengan bekas pelajar universiti lain khususnya Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang dilihat lebih banyak memonopoli bidang ini," katanya.